

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, MELAKA

BIL. 2/2018

"Penambahbaikan Dasar Kerajaan Negeri Melaka bagi Permohonan-Permohonan Pelanjutan Tempoh Pajakan bagi Pajakan Negeri dan Pajakan Mukim"

TUJUAN

Arahan ini adalah dikeluarkan untuk memaklumkan Pentadbir Tanah mengenai penambahbaikan kepada Dasar Kerajaan Negeri Melaka bagi Permohonan-Permohonan Pelanjutan Tempoh Pajakan selaras dengan pindaan kepada Kanun Tanah Negara 1965 melalui Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016 [Akta A1516] yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Arahan ini bertujuan menggariskan panduan dan kaedah bagi permohonan-permohonan pelanjutan tempoh pajakan bagi Pajakan Negeri dan Pajakan Mukim seiring dengan dasar Kerajaan Negeri Melaka terbaru.

PENETAPAN DASAR

Kertas cadangan penambahbaikan kepada dasar Kerajaan Negeri Melaka berkenaan permohonan-permohonan pelanjutan tempoh pajakan diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 30 Mei 2018 dan telah disahkan pada 6 Jun 2018. Melalui Risalat MMKN.P14 17A/2/2018, Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan cadangan-cadangan penambahbaikan kepada dasar Kerajaan Negeri Melaka berkenaan permohonan-permohonan pelanjutan tempoh pajakan tanah milik selaras dengan pindaan kepada Kanun Tanah Negara 1965 yang telah dipinda melalui Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016 [Akta A1516] seperti berikut:-

1. Penggunaan Seksyen 90A Kanun Tanah Negara 1965 bagi Tanah Milik Berstatus Pajak Berkeluasan Kurang Daripada 10 Ekar

1.1 Permohonan pelanjutan tempoh pajakan bagi tanah milik **berkeluasan kurang daripada 10 ekar** hendaklah menggunakan seksyen 90A Kanun Tanah Negara 1965.

1.2 Kaedah Pelaksanaan

Pentadbir Tanah hendaklah merujuk kepada Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 1/2017 iaitu Garis Panduan Permohonan Pelanjutan Tempoh Pajakan Hakmilik Berstatus Pajakan Negeri dan Pajakan Mukim bagi melaksanakan pemakaian seksyen 90A KTN.

1.3 Kelulusan permohonan pelanjutan tempoh pajakan di bawah Seksyen 90A KTN adalah tertakluk kepada pengenaan premium, cukai tanah dan bayaran-bayaran lain yang berkaitan.

2. Penggunaan Kaedah Pemberian Tempoh Pegangan Baru Melalui Seksyen 197 dan Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 bagi Tanah Milik Berstatus Pajak Berkeluasan 10 Ekar dan Lebih

2.1 Permohonan pelanjutan tempoh pajakan bagi tanah milik **berkeluasan 10 ekar dan lebih** hendaklah menggunakan kaedah pemberian tempoh pegangan baru tidak melebihi 99 tahun melalui seksyen 197 dan 76 Kanun Tanah Negara 1965.

2.2 Dasar Kerajaan Negeri Melaka bagi permohonan pelanjutan tempoh pajakan menggunakan kaedah pemberian tempoh pegangan baru di bawah seksyen 197 dan seksyen 76 KTN bagi tanah milik berkeluasan 10 ekar dan lebih adalah tertakluk kepada ketetapan Majlis Tanah Negara Ke-66. Majlis Tanah Negara Ke-66 tersebut telah menetapkan perkara-perkara berikut bagi pelaksanaan kaedah pemberian tempoh pegangan baru tidak melebihi 99 tahun melalui seksyen 197 dan 76 Kanun Tanah Negara 1965 seperti berikut:-

- (a) pembaharuan tempoh pajakan tidak boleh melebihi 99 tahun;
- (b) pembaharuan tempoh pajakan ini perlu dimohon oleh tuan punya tanah;
- (c) permohonan adalah terbuka kepada semua tanah milik berstatus pajakan kategori "Pertanian", "Bangunan" dan "Perindustrian";
- (d) tuan punya dikehendaki mengemukakan permohonan-permohonan berikut secara serentak iaitu:-
 - (i) permohonan penyerahan keseluruhan tanah menggunakan Borang 12A di bawah seksyen 197 Kanun Tanah Negara 1965; dan
 - (ii) permohonan pemberimilikan tanah menggunakan Borang Jadual 1 Kaedah-Kaedah Tanah Melaka 1966;
- (e) pemberian tempoh pegangan baru boleh dipertimbangkan sekiranya tanah milik tersebut tidak diperlukan untuk tujuan awam;
- (f) kelulusan tempoh pegangan baru adalah tertakluk kepada penganan premium, cukai tanah dan bayaran-bayaran lain yang berkaitan;
- (g) tempoh pegangan baru berkuat kuasa pada tarikh hakmilik baru tanah tersebut didaftarkan;
- (h) prosedur ini tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa

2.3 Kaedah Pelaksanaan

- (a) Permohonan pelanjutan tempoh melibatkan tanah milik berkeluasan 10 ekar dan lebih dengan mendapatkan tempoh pegangan baru tidak melebihi 99 tahun perlu dimohon oleh tuan punya tanah melalui surat permohonan seperti di Lampiran A1 bersekali dengan permohonan penyerahan balik keseluruhan tanah menggunakan Borang 12A di bawah seksyen 197(1) KTN dan permohonan pemberimilikan tanah menggunakan Borang Jadual 1, Kaedah-Kaedah Tanah Melaka 1966.

- (b) Syarat-syarat kelulusan permohonan penyerahan tanah adalah selaras dengan seksyen 196 KTN seperti berikut:-
 - (i) tiada sebarang hasil tertunggak ke atas tanah tersebut;
 - (ii) penyerahan tanah tersebut tidak akan mewujudkan atau mengakibatkan apa-apa liabiliti kepada Pihak Berkuasa Negeri;
 - (iii) tanah tersebut tidak tertakluk di bawah penahanan mana-mana Mahkamah; dan
 - (iv) tiap-tiap orang atau badan yang dinyatakan di bawah seksyen 196(2) KTN telah memberi keizinan atau kebenaran secara bertulis terhadap permohonan penyerahan tanah tersebut.

- (c) Tanah yang telah diserahkan secara keseluruhan di bawah seksyen 197 KTN hendaklah kembali dan terletak hak kepada Pihak Berkuasa Negeri dan menjadi tanah Negeri (State land) selaras dengan seksyen 199(1) KTN.

- (d) Kelulusan permohonan pemberimilikan tanah bagi tujuan pemberian tempoh pegangan baru tidak melebihi 99 tahun adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
- (i) tanah yang akan diberimilik tersebut diberikan secara pemegangan pajakan untuk tempoh tidak lebih 99 tahun menurut seksyen 76(a) KTN;
 - (ii) jenis hakmilik yang akan didaftar ialah hakmilik tetap (final title) selaras dengan seksyen 80(3A) KTN dan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 6/2009 berhubung Penyediaan dan Pendaftaran Hakmilik Tetap Tanpa Perlu Mendaftarkan Hakmilik Sementara;
 - (iii) kadar premium dan cukai yang akan dikenakan ke atas tanah tersebut adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Tanah Melaka 1966.
- (e) Pentadbir Tanah akan mengemukakan permohonan pelanjutan tempoh pajakan melalui pemberian tempoh pegangan baru di bawah seksyen 197 dan seksyen 76 KTN tersebut untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.
- (f) Permohonan pelanjutan tempoh pajakan bagi tanah milik berkeluasan 10 ekar dan lebih melalui kaedah pemberian tempoh pegangan baru di bawah seksyen 197 dan seksyen 76 KTN adalah tertakluk kepada dasar penyerahan sebahagian tanah dalam nisbah 1/6 kepada Kerajaan Negeri. Pentadbir Tanah hendaklah mengenal pasti bahagian 1/6 yang hendak diserahkan kepada Kerajaan Negeri sebelum mengemukakan permohonan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

- (g) Apabila tanah tersebut menjadi tanah Negeri (State land) setelah diserahkan keseluruhannya oleh tuan punya tanah bagi tujuan permohonan pelanjutan tempoh pajakan, Pihak Berkuasa Negeri boleh memberi keizinan secara pentadbiran kepada tuan punya tanah bagi menduduki tanah tersebut sepanjang tempoh mulai daripada tarikh memorial penyerahan tanah itu dimasukkan ke dalam Dokumen Hakmilik sehingga ke tarikh hakmilik baru bagi tanah tersebut didaftarkan.
- (h) Proses kerja bagi melaksanakan pemakaian kaedah pemberian tempoh pegangan baru melalui seksyen 197 dan seksyen 76 KTN adalah seperti di Lampiran A.

3. Had Baki Tempoh Pajakan

- 3.1 Had baki tempoh pajakan sebanyak sepuluh (10) dan kurang adalah dibatalkan. Permohonan-permohonan pelanjutan tempoh pajakan tidak lagi dikenakan had baki tempoh pajakan.

4. Kadar Premium Dikenakan bagi Kelulusan Permohonan Pelanjutan Tempoh Pajakan

- 4.1 Pengiraan premium bagi mana-mana permohonan pelanjutan tempoh pajakan hendaklah menggunakan kadar premium yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Tanah Melaka 1966.

5. Tempoh Notis 5A

- 5.1 Sekiranya tempoh masa dalam Notis 5A bagi pembayaran premium setelah kelulusan permohonan perlanjutan tempoh pajakan, iaitu tiga (3) bulan, dan lanjutan tiga (3) bulan oleh Pentadbir Tanah sekiranya dibenarkan, sepertimana ditetapkan di bawah Kanun Tanah Negara dan Kaedah-Kaedah Tanah Melaka 1966 tidak dipatuhi pemohon, maka kelulusan perlanjutan tempoh pajakan tersebut akan luput dan pemohon perlu mengemukakan permohonan baru.

Dasar Kerajaan Negeri Melaka berkenaan permohonan-permohonan pelanjutan tempoh pajakan adalah berkuatkuasa mulai 6 Jun 2018. Dengan berkuatkuasanya dasar Kerajaan Negeri Melaka ini, Pentadbir Tanah adalah diminta mengambil perhatian dan tindakan dalam melaksanakan arahan ini.

"MELAKA BERWIBAWA"
"PINTAR, HIJAU, BERSIH"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(ZAIDI BIN JOHARI)
Pengarah Tanah dan Galian
Melaka.

Tarikh :
Rujukan : PTGM.UP.100/6/19

s.k. Setiausaha Sulit kepada Y.A.B Ketua Menteri Melaka
YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
YB. Pegawai Kewangan Negeri Melaka
YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka

LAMPIRAN A

**PANDUAN PROSES KERJA PELAKSANAAN PEMBERIAN TEMPOH
PEGANGAN BARU BAGI TANAH-TANAH MILIK BERSTATUSKAN
PAJAKAN NEGERI DAN PAJAKAN MUKIM**

**PANDUAN PROSES KERJA PELAKSANAAN
PEMBERIAN TEMPOH PEGANGAN BARU BAGI TANAH-TANAH MILIK
BERSTATUSKAN PAJAKAN NEGERI DAN PAJAKAN MUKIM**

LANGKAH 1: Mendapatkan persetujuan dasar daripada Pihak Berkuasa Negeri

Tanggungjawab	Proses Kerja	Rujukan
1. Pemohon	<p>1. Pemohon mengemukakan permohonan kepada Pentadbir Tanah dengan menggunakan format di Lampiran A1.</p> <p>2. Permohonan dikemukakan bersama-sama perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. bayaran permohonan (RM 10.00 atau kadar lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN)); ii. satu (1) salinan Carian Rasmi bagi hakmilik tanah berkenaan; iii. satu (1) salinan resit bayaran cukai tanah tahun semasa; iv. satu (1) salinan Pelan Tanah; v. satu (1) salinan Kad Pengenalan pemohon; dan vi. lain-lain maklumat mengenai tuan punya tanah dan tujuan permohonan. 	
2. Pentadbir Tanah	<p>1. Pentadbir Tanah menerima permohonan dan mengambil tindakan susulan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. membuka dan mendaftar fail permohonan am; ii. membuat rujukan ke Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) untuk mendapatkan laporan nilai tanah; iii. merujuk permohonan kepada Lembaga Tanah Estet jika tanah tersebut adalah tanah estet; dan iv. meminta Pegawai Tanah menyediakan laporan tanah; <p>2. Pentadbir Tanah menerima laporan tanah daripada Pegawai Tanah dan laporan nilai tanah daripada JPPH.</p> <p>3. Pentadbir Tanah seterusnya mengambil tindakan susulan menyediakan kertas perakuan untuk pertimbangan PBN yang</p>	Subseksyen 197(4) Kanun Tanah Negara (KTN)

Tanggungjawab	Proses Kerja	Rujukan
	<p>mengandungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. butir-butir pemohon; ii. maksud permohonan; iii. kedudukan tanah (hendaklah ditunjukkan dalam pelan); iv. luas tanah (hendaklah ditunjukkan dalam pelan) v. tempoh hakmilik; vi. jenis hakmilik; vii. kadar cukai; viii. kadar premium (jika akan dikenakan) ix. jenis penggunaan tanah (jika dikenakan); x. syarat nyata (jika dikenakan); dan xi. sekatan kepentingan (jika dikenakan); <p>4. Jika tanah tersebut tidak diperlukan untuk tujuan awam, Pentadbir Tanah menyediakan perakuan seperti contoh berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. tanah ini hendaklah diserahkan kepada PBN melalui Borang 12A di bawah seksyen 197 KTN; ii. setelah penyerahan balik di perenggan (i) di atas disempurnakan, tanah ini hendaklah diberimilik di bawah seksyen 76 KTN, dengan dikenakan syarat-syarat berikut: <ul style="list-style-type: none"> a. jenis hakmilik tetap; b. tempoh pemegangan (baru) hakmilik; c. premium; d. jenis kegunaan tanah; e. luas tanah; f. syarat nyata; g. sekatan kepentingan; h. cukai tanah; i. bayaran upah ukur; dan j. bayaran-bayaran lain; <p>5. Jika mana-mana bahagian tanah tersebut diperlukan untuk tujuan awam, Pentadbir Tanah menyediakan perakuan seperti contoh berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. tanah ini adalah dikehendaki oleh PBN untuk kegunaan awam; dan 	<p>Subseksyen 79(1) dan 79(2) KTN</p>

Tanggungjawab	Proses Kerja	Rujukan
	<p>ii. sebarang permohonan untuk mendapatkan tempoh pemegangan baru ke atas tanah ini tidak akan dipertimbangkan.</p> <p>6. Pentadbir Tanah mengemukakan kertas perakuan kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri (PTG) untuk dibawa ke pertimbangan PBN.</p>	
3. Pengarah Tanah dan Galian Negeri	<p>1. PTG membentangkan kertas perakuan untuk keputusan PBN.</p> <p>2. PTG memaklumkan keputusan PBN kepada Pentadbir Tanah.</p>	
4. Pentadbir Tanah	<p>1. Pentadbir Tanah menerima keputusan PBN daripada PTG.</p> <p>2. Pentadbir Tanah memaklumkan keputusan dasar PBN kepada pemohon.</p> <p>3. Perkara-perkara yang perlu dimaklumkan kepada pemohon adalah seperti berikut:</p> <p>i. luas yang diluluskan (hendaklah ditunjukkan dalam pelan);</p> <p>ii. jenis dan tempoh hakmilik;</p> <p>iii. kadar cukai;</p> <p>iv. kadar premium (jika dikenakan)</p> <p>v. kadar bayaran ukur dan batu sempadan;</p> <p>vi. jenis penggunaan tanah (jika dikenakan);</p> <p>vii. syarat nyata (jika dikenakan); dan</p> <p>viii. sekatan kepentingan (jika hendak dikenakan).</p>	

LANGKAH 2: Mengemukakan permohonan serahbalik tanah dan pemberimilikan baru secara serentak

Tanggungjawab	Proses Kerja	Rujukan
5. Pemohon	<p>1. Pemohon mengemukakan permohonan untuk menyerahkan tanah dan pemberimilikan baru tanah tersebut dengan disertakan perkara-perkara berikut:</p>	

Tanggungjawab	Proses Kerja	Rujukan
	<ul style="list-style-type: none"> i. bayaran permohonan; ii. Borang 12A (1 salinan); iii. keizinan bertulis daripada pihak-pihak berkepentingan, jika berkaitan; <p>[Nota: Selaras dengan subseksyen 196(1) KTN, keizinan bertulis diberikan oleh pihak-pihak berkepentingan hendaklah tidak tertakluk kepada apa-apa syarat.]</p> <ul style="list-style-type: none"> iv. cukai tanah tahun semasa telah dijelaskan dan tiada sebarang hasil tanah yang tertunggak; v. Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer (DHDK); dan vi. Borang Jadual 1 (2 salinan). 	<p>Seksyen 197(1) KTN</p> <p>Subseksyen 198(1) KTN</p> <p>Perenggan 197(1)(c) dan subseksyen 197(2) KTN Kaedah-Kaedah Tanah Negeri</p>
6. Pentadbir Tanah	<p>1. Pentadbir Tanah menerima permohonan daripada pemohon dan membuat semakan ke atas syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. cukai tanah pada tahun itu sudah dibayar dan tiada sebarang hasil tertunggak ke atas tanah milik tersebut; ii. penyerahan tanah milik tersebut tidak akan mewujudkan atau mengakibatkan apa-apa liabiliti kepada PBN; iii. tanah milik tersebut tidak tertakluk di bawah penahanan mana-mana mahkamah; iv. tiap-tiap orang/badan yang dinyatakan di bawah subseksyen 196(2) KTN telah memberi keizinan bertulis terhadap permohonan penyerahan tanah milik tersebut; dan v. dalam kes permohonan oleh seseorang dengan kuasa peguam, keperluan di bawah seksyen 157A KTN perlu dipenuhi. <p>2. Jika kesemua syarat-syarat tersebut dipatuhi, Pentadbir Tanah seterusnya mengambil tindakan susulan berikut:</p>	<p>Seksyen 157A KTN</p>

Tanggungjawab	Proses Kerja	Rujukan
	<p>i. membuka dan mendaftar fail permohonan;</p> <p>ii. memasukkan catatan permohonan penyerahan tanah dalam dokumen hakmilik daftar melalui Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) seperti berikut:</p> <p>“No. Pers _____ Permohonan Serahbalik Seluruh Tanah didaftarkan pada _____ jam _____ pagi/petang (No rujukan Fail : _____)”</p> <p>iii. setelah tindakan di perenggan (ii) selesai, memasukkan endorsan memorial penyerahan tanah dalam DHDK bagi tanah yang berkenaan ini adalah seperti berikut:</p> <p>“No. Pers _____ Kelulusan Serahbalik Seluruh Tanah ke atas Permohonan Serahbalik Seluruh Tanah No. Pers _____ didaftarkan pada _____ jam _____ pagi/petang (No. Rujukan Fail : _____)”</p> <p>[Nota: Menurut subseksyen 199(1) KTN, apabila memorial penyerahan tanah dimasukkan di dalam DHDK tanah yang berkenaan, maka tanah tersebut akan kembali kepada PBN sebagai tanah Negeri.]</p> <p>iv. menghantar notis Borang 5A kepada pemohon untuk meminta bayaran berikut:</p> <p>a. cukai tahun pertama;</p> <p>b. premium (jika ada);</p> <p>c. penyediaan dan pendaftaran dokumen hakmilik tetap.</p> <p>v. bayaran-bayaran penyediaan dan pendaftaran hakmilik tetap mengandungi:</p>	<p>Seksyen 197 (3) KTN</p> <p>Perenggan 198(4)(b) KTN</p> <p>Kaedah-Kaedah Tanah Negeri</p>

Tanggungjawab	Proses Kerja	Rujukan
	a. bayaran untuk hakmilik tetap seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Tanah Negeri; dan b. bayaran untuk pelan hakmilik yang ditetapkan dalam perintah KTN (Bayaran Ukur) 1965. vi. Pentadbir Tanah boleh melanjutkan tempoh bayaran yang dinyatakan dalam Borang 5A KTN jika dirayu oleh pemohon.	

LANGKAH 3: Menjelaskan bayaran kelulusan

Tanggungjawab	Proses Kerja	Rujukan
7. Pemohon	1. Pemohon menjelaskan bayaran kena dibayar seperti dinyatakan dalam notis Borang 5A dalam tempoh yang ditetapkan.	Seksyen 81 & 82 KTN

LANGKAH 4: Mendaftar hakmilik baru

Tanggungjawab	Proses Kerja	Rujukan
8. Pentadbir Tanah	1. Pentadbir Tanah menerima bayaran yang dijelaskan oleh pemohon. 2. Bayaran-bayaran pemberimilikan hendaklah direkodkan dalam rekod permohonan. 3. Hakmilik hendaklah disediakan dan didaftarkan sebaik sahaja bayaran-bayaran pemberimilikan dijelaskan dan permohonan diterima. 4. Jika lot tanah berkenaan telah menepati seksyen 396 KTN, hakmilik baru yang didaftarkan adalah hakmilik tetap (<i>final title</i>). 5. Tempoh pemegangan pajakan baru bagi hakmilik yang didaftarkan itu hendaklah tidak melebihi 99 tahun. 6. Memastikan nombor hakmilik dan nombor lot yang asal dimasukkan dalam hakmilik	Kaedah-Kaedah Tanah Negeri Pekeliling KPTG Bil. 6/2009

Tanggungjawab	Proses Kerja	Rujukan
	<p>baru yang akan dikeluarkan bagi mengelakkan kekeliruan atau pertikaian pada masa akan datang berhubung identiti tanah tersebut.</p> <p>7. Pentadbir Tanah hendaklah memusnahkan DHKK, jika ada dalam simpanannya.</p> <p>8. Jika DHK tidak diserahkan oleh pemegang gadaian atau lien seperti diminta oleh PT di bawah subseksyen 197(2) KTN, Pentadbir Tanah hendaklah mengarahkan penyerahan dokumen tersebut dengan menghantar notis Borang 2B.</p>	<p>Subperenggan 2(b) Jadual Keempat Belas, KTN</p> <p>Subseksyen 199 (2) dan subseksyen 15(1) KTN</p>

LANGKAH 5: Mengeluarkan notis meminta pemohon mengambil dokumen hakmilik

Tanggungjawab	Proses Kerja	Rujukan
9. Pentadbir Tanah	<p>1. Pentadbir Tanah menghantar notis dalam Borang 5F kepada pemohon supaya mengambil dokumen hakmilik keluaran.</p> <p>2. Bukti penyampaian notis dalam Borang 5F hendaklah diperoleh daripada pemohon (tuan punya tanah).</p>	Seksyen 90 KTN

CONTOH SURAT PERMOHONAN UNTUK MEMPEROLEH PERSETUJUAN DASAR PIHAK BERKUASA NEGERI BAGI MENDAPATKAN TEMPOH PEMEGANGAN BARU KE ATAS TANAH MILIK BERSTATUSKAN PAJAKAN NEGERI ATAU PAJAKAN MUKIM

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami:
Tarikh:

Pengarah Tanah dan Galian Negeri/
Pejabat Tanah Daerah

PERMOHONAN UNTUK MEMPEROLEH PERSETUJUAN DASAR PIHAK BERKUASA NEGERI BAGI MENDAPATKAN TEMPOH PEMEGANGAN BARU KE ATAS TANAH MILIK BERSTATUSKAN PAJAKAN NEGERI ATAU PAJAKAN MUKIM

A. MAKLUMAT PEMOHON

Nama	
No. Kad Pengenalan	
Alamat Terkini	
No. Telefon	Rumah: Pejabat: H/P:
E-mel (jika ada)	

Masukkan butir-butir pengenalan diri.

B. MAKLUMAT TANAH

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot	*Mukim/ Bandar/ Pekan	Daerah	Tempoh Pajakan Sekarang	Tarikh Tempoh Pajakan Luput

Masukkan maklumat hakmilik.

*Potong yang tidak berkenaan.

C. TEMPOH PEMEGANGAN BARU DIPOHON

50 tahun 60 tahun 99 tahun Lain-lain (nyatakan): ____ tahun Tandakan [✓] yang berkenaan.

D. SEBAB-SEBAB MEMOHON TEMPOH PEMEGANGAN BARU

Nyatakan sebab-sebab memohon.

E. AKUAN PEMOHON

Bersama-sama ini *saya/kami lampirkan perkara-perkara berikut:

*Potong yang tidak berkenaan.

- (a) bayaran permohonan RM
- (b) 1 salinan Carian Rasmi bagi hakmilik tanah berkenaan;
- (c) 1 salinan resit bayaran cukai tanah tahun semasa;
- (d) 1 salinan Pelan Tanah;
- (e) 1 salinan Kad Pengenalan pemohon;
- (f) lain-lain maklumat yang berkaitan.

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah betul dan benar. Saya faham bahawa jika saya telah memberikan maklumat palsu dalam borang ini, adalah menjadi satu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa.

(_____)

Masukkan tandatangan dan nama pemohon.

Bertarikh pada:
hari bulan tahun

SURAT PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH HAKMILIK
BERSTATUS PAJAKAN NEGERI DAN PAJAKAN MUKIM

Pentadbir Tanah

.....
.....

Tarikh:

Tuan.

PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH HAKMILIK TANAH

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dengan ini, saya sebagai tuan punya tanah seperti dinyatakan dalam Jadual di bawah memohon pelanjutan tempoh hakmilik ini kepada tahun. Baki tempoh pemegangan hakmilik saya pada masa ini ialah tahun.

3. Bersama-sama ini disertakan:

- (a) fi permohonan;
- (b) surat kebenaran daripada pihak berkepentingan;
- (c) dokumen hakmilik keluaran; dan
- (d) Salinan sijil Perbadanan Pengurusan (bagi skim strata sahaja).

Sekian.

Yang benar,

(.....)
Nama pemohon

JADUAL TANAH *DAN KEPENTINGAN						
Bandar/ Pekan/ Mukim	No. Lot/ P.T	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)	Tarikh tamat tempoh pajakan
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)

Catatan:

- 1. Tempoh yang boleh dipohon jika dijumlahkan dengan baki tempoh pegangan sedia ada tidak boleh melebihi 99 tahun
- 2. Surat kebenaran daripada pihak berkepentingan tidak perlu jika tanah tersebut tidak tertakluk kepada apa-apa gadaian pajakan atau lien. Dokumen hakmilik keluaran tidak perlu disertakan jika ia dipegang oleh pihak lain seperti pemegang gadaian